

Persepsi Guru Sukan Terhadap Aspek Keselamatan dalam Program Sukan

Mawarni Mohamed
Mohd. Sofian Omar Fauzee
Lee Teik Soon
Zarina Jusoh
Rosli Jamil Ahmad Zainudin
Universiti Teknologi Malaysia
Email: mmawar68@yahoo.com

ABSTRACT

The main objective of this study is to identify the perceptions of sports teachers with regard to the safety of sports programmes. Three aspects; gender, experience and course of studies, were looked into to differentiate the perceptions of sports teachers about safety of sports programmes. The respondents for this study were 120 students (males = 78; females = 42) from the Program Khas Pengsiswazahan Guru (PKPG), University Putra of Malaysia. They were between 27 and 43 years old. (mean = 35). Sixty of them were from the Physical Education Course and the other 60 were majoring in Agricultural Science and Information Technology. In order to identify the perceptions of these sports teachers with regard to the safety of sports programmes, four categories were used: close surveillance, guidance and instruction, general knowledge and safety of the environment. The results showed that there was no significant difference in the perceptions of the sports teachers irregardless of teaching experience, and course of studies. However, gender had a significant effect on their perceptions. It is hoped that the findings will generate further research that can contribute to the area of perceptions of sports teachers with regard to safety of sports programmes in order to decrease injuries among students or athletes in sports.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti persepsi guru sukan terhadap aspek keselamatan dalam program sukan Tiga aspek yang

digunakan untuk meninjau dan membezakan persepsi guru sukan terhadap aspek keselamatan dalam program sukan adalah aspek jantina, aspek pengalaman dan aspek pengkhususan. Responden yang digunakan untuk kajian adalah seramai 120 orang pelajar (lelaki = 78; perempuan = 42) dari Program Khas Pengsiswazahan Guru (PKPG), Bachelor Pendidikan, Universiti Putra Malaysia dari pengkhususan Pendidikan Jasmani (n = 60) dan pengkhususan Bukan Pendidikan Jasmani (n = 60) iaitu dari PKPG - Sains Pertanian dan PKPG - Teknologi Maklumat yang berumur 27-43 tahun (min = 35). Dalam menentukan tahap persepsi guru sukan terhadap keselamatan dalam program sukan, empat kategori utama dalam keselamatan yang dapat memperlihatkan tahap persepsi guru sukan tentang keselamatan dalam sukan telah digunapakai iaitu kategori Pengawasan Yang Rapi, kategori Bimbingan Dan Tunjukajar, Kategori Pengetahuan Umum dan Kategori Persekitaran Yang Selamat. Keempat-empat kategori tersebut memberi gambaran tentang tahap persepsi tentang keselamatan di kalangan guru-guru sukan secara menyeluruh. Selepas kajian dilakukan, hasil dapatan menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan dalam aspek pengalaman mengajar, dan pengkhususan, di kalangan responden. Manakala terdapat perbezaan yang signifikan dalam aspek jantina. Berdasarkan dapatan tersebut, diharap kajian ini menjadi pemangkin kajian lanjutan yang menyumbang kepada peningkatan persepsi guru sukan terhadap keselamatan dalam program sukan hingga berjaya mengurangkan kecederaan pelajar atau atlet dalam sukan.

Pengenalan

Kajian mengenai aspek keselamatan dalam program sukan masih kurang dijalankan di negara kita. Walau bagaimanapun, kajian lampau mengenai kemalangan dalam aktiviti sukan pernah dijalankan oleh beberapa orang pengkaji luar negara. Antaranya, Laflamme & Peterson (1997) melalui kajian mereka di divisi Vastmanland, Sweden, mendapati lokasi sukan dan rekreasi adalah tempat yang paling kerap berlakunya kecederaan di kalangan pelajar sekolah. Statistik daripada kajian itu menunjukkan 12.1% daripada 1000 kes kecederaan di sekolah adalah berlaku di tempat bersukan dan rekreasi. Sebenarnya, kecederaan dalam aktiviti fizikal di kalangan kanak-kanak adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan, kerana kanak-kanak secara semula jadinya aktif dan suka akan kegiatan fizikal. Kajian Jago & Baranowski (2004) telah membuktikan perkara tersebut, di mana

Persepsi Guru Sukan Terhadap Aspek Keselamatan

mereka mendapati kanak-kanak Australia yang berumur 5 hingga 12 tahun menghabiskan 50% waktu rehat di sekolah dengan aktiviti fizikal yang sederhana dan lasak. Berikutan kekerapan kemalangan yang tinggi dalam program sukan, ia telah menimbulkan pelbagai komplikasi negatif yang saling bersangkutan.

Komplikasi negatif yang utama adalah kebimbangan ibu bapa dan penjaga untuk membenarkan anak-anak mereka berkecimpung dalam program sukan kerana dikhuatiri anak-anak mereka akan mengalami kecederaan. Kebimbangan tersebut bukan sekadar membelenggui ibu bapa, malah ia juga menyebabkan kebimbangan pelajar-pelajar untuk beraktif dalam sukan. Mengikut Anshell (1997), kebimbangan sebagai “ancaman” yang dijangka oleh seseorang individu, semakin kritikal “ancaman” yang diterima, semakin tinggi tahap kebimbangan individu. Ini bermakna kebimbangan pelajar mendapat kecederaan semasa sukan akan meningkat, apabila mereka menjangkakan kecederaan akan berlaku. Berikutan itu, mereka tidak berani untuk menyertai aktiviti sukan. Sebenarnya, kebimbangan mereka tentang keselamatan adalah berasas berdasarkan Teori Maslow yang pernah diterangkan dalam tulisan Rahil Mahyuddin dan Habibah Elias (2003). Fenomena ini lebih mudah difahami melalui Hierarki Keperluan Asas Manusia (Rajah 1) berdasarkan Teori Maslow yang menjelaskan keperluan keselamatan merupakan keperluan asas manusia yang kedua penting selepas keperluan fisiologi. Keperluan keselamatan yang dimaksudkan adalah keperluan mencapai perasaan selamat hasil daripada perolehan perlindungan seperti mengelakkan diri dari mendapat sebarang kecederaan. Maka, berdasarkan pemahaman tersebut, aspek keselamatan dalam program sukan harus diberikan perhatian oleh guru-guru sukan supaya kecederaan dalam sukan dapat dihindari.



Rajah 1: Hierarki Keperluan Asas Manusia

Kesan daripada keengganan ibu bapa membenarkan anak-anak dan juga pelajar-pelajar itu sendiri bergiat dalam kegiatan sukan, akan menyebabkan kesihatan individu terganggu. Fenomena ini telah dibuktikan melalui kajian pakar-pakar yang mendapati ketidakaktifan fizikal mempunyai perkaitan yang rapat dengan penyakit jantung (*coronary heart diseases*) dan lain-lain penyakit kronik (Berlin & Colditz, 1990; Helmirich, Ragland, Leung, & Paffenbarger, 1991; Powell, Thompson, Caspersen, & Kendrick, 1987; Vuori, Lankenau, & Pratt, 2004; Wannamethee & Shaper, 1999; Wannamethee & Shaper, 2001) dengan kadar yang tinggi.

Selain komplikasi negatif di atas, kurangnya penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan dan permainan akibat kebimbangan mendapat kecederaan telah membantutkan usaha kerajaan dalam melahirkan masyarakat yang sihat dan produktif. Usaha Kementerian Kesihatan Malaysia melancarkan “Kempen Cara Hidup Sihat” pada 1991 yang memberi tumpuan kepada pencapaian kesihatan optima melalui aktiviti senaman menghadapi rintangan.

Di samping kebimbangan ibu bapa membenarkan anak-anak dan juga pelajar itu sendiri menyertai aktiviti sukan, keupayaan guru-guru sukan menjamin keselamatan pelajar dalam sukan turut menjadi persoalan. Fenomena ini menjadi semakin serius apabila kes-kes mahkamah yang melibatkan guru-guru sukan akibat kelalaian dalam menjalankan tugas hingga menyebabkan kecederaan pelajar semakin lazim didapati. Berkaitan dengan perkara itu, Sawyer (2004) telah melaporkan kes Avila menentang *Citrus Community College District (CCCD)* yang berlaku di Amerika Syarikat pada 5 Januari 2001, di mana pelajar bernama Jose Luis Avila telah mendakwa *CCCD* kerana kecuaiannya jurulatih *CCCD* mengawal pembaling (*pitcher*) dalam satu pertandingan softball hingga menyebabkan kecederaan pada bahagian kepalanya. Berikutan peristiwa itu, jurulatih dan pihak *CCCD* telah disaman atas kelalaian menjaga keselamatan pelajar. Selain kes yang melibatkan guru sukan, institusi pendidikan yang leka tentang keselamatan pelajar turut didakwa di mahkamah. Antaranya, John (2004) telah melaporkan kes Daerah New York kalah dalam rayuan perbicaraan semula kepada keluarga mangsa kecederaan pelajar perempuan berumur 7 tahun dari *Vestal Central School District* akibat permainan “*dodge ball*” yang membahayakan.

Setelah mendalami pelbagai kesan negatif yang timbul akibat kurangnya penekanan aspek keselamatan dari kalangan guru sukan, telah timbul beberapa persoalan. Antaranya ialah “Sejauh manakah persepsi

guru-guru sukan terhadap aspek keselamatan dalam program sukan?” Persoalan ini melibatkan persepsi kerana persepsi menentukan tindakan individu. Di samping itu, persoalan lain yang timbul adalah “Apakah aspek-aspek keselamatan yang kurang diberikan perhatian oleh guru-guru sukan?” Persoalan akhir yang boleh dikemukakan tentang persepsi guru sukan tentang keselamatan dalam program sukan adalah “Sejauh manakah perbezaan latar belakang dari segi jantina, pengkhususan dan pengalaman mempengaruhi mereka?”

Untuk menjawab persoalan-persoalan yang dinyatakan di atas, kajian ini dijalankan dengan mengambil kira aspek-aspek keselamatan yang berkait rapat dengan situasi sukan. Aspek-aspek keselamatan yang dimaksudkan adalah aspek *Persekitaran Yang Selamat, Bimbingan Dan Tunjuk Ajar, Pengawasan Yang Rapi, dan Pengetahuan Umum*. Semoga keempat-empat aspek keselamatan di atas mencapai objektif-objektif spesifik kajian ini. Objektif-objektif spesifik kajian yang dijelaskan adalah mengenal pasti persepsi responden terhadap keselamatan dalam program sukan, perbezaan persepsi responden antara guru Pendidikan Jasmani (PJ) dan bukan PJ terhadap aspek keselamatan, dan perbezaan persepsi responden guru sukan berdasarkan aspek pengalaman, jantina dan pengkhususan.

Dari segi kepentingan kajian, dapatan kajian ini akan mendatangkan beberapa kebaikan. Antaranya, ia dapat membantu pihak-pihak yang berkenaan membuat tindakan susulan ke arah meningkatkan persepsi guru sukan terhadap keselamatan dalam sukan. Dengan kejayaan peningkatan persepsi guru sukan terhadap keselamatan dalam sukan, kadar kecederaan pelajar dalam sukan yang dikaitkan dengan kelemahan pengawasan guru dalam aspek keselamatan dapat diminimakan. Kesannya, ia dapat menghapuskan rintangan yang menidakan penyertaan pelajar-pelajar dalam aktiviti sukan. Rintangan yang dijelaskan adalah seperti kebimbangan umum dan pelajar untuk beraktif dalam sukan. Seterusnya, ia berjaya menarik minat lebih ramai individu beraktif dalam sukan lalu membantu perkembangan emosi yang sejahtera dan pembinaan kesihatan yang unggul di kalangan pelakunya. Perkara ini telah disokong oleh Krenichyn (2004), di mana kajiannya mendapati golongan wanita yang menjalankan aktiviti fizikal di taman-taman rekreasi akan memperoleh sokongan sosial dari kawan-kawannya hingga dapat memotivasikan mereka menjalankan senaman untuk jangka panjang. Pendek kata, senaman jangka panjang telah menyumbang kepada peningkatan tahap kesihatan yang lebih baik.

Metodologi

Kajian ini dijalankan secara deskriptif dan instrumen kajian berbentuk soal selidik di mana seramai 120 orang responden (lelaki = 78 , perempuan = 42) yang berumur antara 27 hingga 43 tahun (min = 34.6), dari pelajar-pelajar Bacelor Pendidikan, Program Khas Pengsiswazahan Guru pengajian Pendidikan Jasmani (PKPG-PJ) dan Program Khas Pengsiswazahan Guru bukan Pendidikan Jasmani (PKPG-Bukan PJ) seperti PKPG-TM (Teknologi Maklumat), dan PKPG-SP (Sains Pertanian), Universiti Putra Malaysia (UPM) telah dijadikan sampel kajian. Responden PKPG-PJ terdiri daripada 60 responden manakala PKPG-Bukan PJ adalah terdiri daripada 60 responden. Formula penentuan sampel Krejcie & Morgan (1970) dalam Connolly & Sluckin (1971), telah digunakan untuk menetapkan jumlah subjek bersesuaian dengan saiz populasi iaitu 176 orang pelajar (Jadual 1).

Jadual 1: Bilangan Sampel Berasaskan Pengkhususan dan Jantina

Pengkhususan	Populasi ikut jantina		Sampel
PKPG – PJ			
PJ Juara	Lelaki	46	30
	Perempuan	12	11
PJ Unggul	Lelaki	15	15
	Perempuan	4	4
PKPG – Bukan PJ			
PKPG – SP	Lelaki	15	10
	Perempuan	20	9
PKPG – TM	Lelaki	37	23
	Perempuan	26	18
Jumlah		176	120

Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini merupakan satu set soal selidik yang terdiri daripada dua bahagian yang utama iaitu bahagian A mengandungi 8 item maklumat demografi dan bahagian B yang terdiri daripada 24 item pengredan keutamaan mengikut skala Likert 5 mata yang berjulat dari 1(sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat setuju). Skor item positif adalah seperti berikut: 1 = sangat tidak setuju; 2 = tidak setuju; 3 = berkecuali; 4 =

setuju; dan 5 = sangat setuju. Soalan-soalan yang menggunakan item skor positif terdiri daripada soalan-soalan selain daripada soalan-soalan bernombor 2, 7, 8, 11, 19, 20 dan 21 yang menggunakan item skor negatif. Soalan 2 “Saya tidak memerlukan pengetahuan dan kemahiran tentang pertolongan cemas”. Skor item negatif adalah seperti berikut: 1 = sangat setuju; 2 = setuju; 3 = berkecuali; 4 = tidak setuju; 5 = sangat tidak setuju. Antaranya soalan 16 “Anda menunjukkan cara melakukan kemahiran secara berperingkat-peringkat atau ansur maju”.

Soalan-soalan soal selidik telah dinilai kebolehpercayaannya melalui kajian rintis yang dijalankan ke atas 30 orang responden. Hasil analisis kajian rintis menunjukkan nilai-nilai Alpha Cronbach untuk soalan-soalan kategori Pengawasan Yang Rapi adalah .79; Persekitaran Yang Selamat .67; Bimbingan Dan Tunjuk Ajar .61; dan Pengetahuan Umum .60. Setelah pengumpulan data untuk 120 responden dilakukan nilai-nilai Alpha Cronbach untuk soalan-soalan kategori Pengawasan Yang Rapi adalah .68 ; Persekitaran Yang Selamat .60; Bimbingan Dan Tunjuk Ajar .61; dan Pengetahuan Umum .79. Justeru itu kaji selidik ini menunjukkan item-item yang boleh dipercayai.

Prosedur

Data-data yang diperolehi telah disemak dan dianalisis dengan menggunakan perisian “*Statistical Package for Social Science*” (SPSS) versi 11.5. Data telah dikutip dari responden secara rawak berlapis yang dikumpul di tempat yang sesuai. Sebelum responden menjawab soalan, taklimat telah diberikan dan persetujuan responden telah diperolehi. Purata masa 20 minit telah digunakan oleh responden untuk menjawab soal selidik yang diberikan. Sebarang kekeliruan atau masalah mengenai soal selidik telah diperjelaskan oleh pengkaji.

Analisis Data

Paras signifikan (α) adalah ditetapkan pada .05. Hasil analisis data adalah untuk memenuhi objektif dan persoalan kajian. Analisis yang digunakan ialah kekerapan, min, sisihan piawai, peratus, skor min, skor maksima dan ujian-t.

Data demografi responden diterangkan melalui taburan peratusan, kekerapan, min, sisihan piawai dan julat. Manakala ujian-t pula digunakan untuk menguji tahap persepsi antara guru sukan berdasarkan ciri-ciri demografi seperti jantina, bidang pengkhususan dan pengalaman.

Metodologi

Demografi responden dipaparkan dalam Jadual 2, di mana ia menunjukkan taburan frekuensi 120 subjek yang dikaji.

Jadual 2: Taburan Frekuensi Subjek Berdasarkan Jantina, Umur, Pengalaman, Tahap Akademik, Pengkhususan, Jenis Sukan dan Jawatan

		Frekuensi	Min	Sisihan Piawai	Peratus	Julat (tahun)
Jantina	Lelaki	78			65.0	
	Perempuan	42			35.0	
Bangsa	Melayu	111			92.5	
	Cina	6			5.0	
	India	3			2.5	
	Lain-lain	0			0	
Umur		120	34.62	3.23		27-43
Pengalaman		120	10.08	3.57		4-20
Sukan/Permainan	Bola Sepak	29	2.17	.89		
	Bola Jaring	23	1.78	.67		
	Bola Baling	22	2.41	.80		
	Olahraga	26	1.77	.71		
	Lain-lain	20	2.60	1.10		
Jawatan	Jurulatih	66	3.58	2.35		
		51	3.53	2.18		
		3	2.67	0.58		

Analisis persepsi guru sukan terhadap aspek keselamatan mengikut umur (min = 34.62, SP = 3.23) ini diikuti pula pengalaman yang mencatat (min = 10.08, SP = 3.57). Maka secara keseluruhannya dapatan kajian ini menunjukkan purata umur responden adalah 34.6 tahun (min = 34.62) di samping pengalaman berkhidmat secara puratanya 10 tahun (min = 10.08) adalah disebabkan rata-rata pelajar PKPG adalah dari kalangan guru-guru yang telah berkhidmat tidak kurang daripada 5 tahun dan mempunyai pengalaman yang dalam mengenai bidang pengkhususan yang dipohon. Analisis data juga memperlihatkan bahawa dalam aspek bangsa,

Persepsi Guru Sukan Terhadap Aspek Keselamatan

responden Melayu terdiri daripada 111 orang (92.5%), Cina 6 orang (5.0%), dan India 3 orang (2.5%). Taburan responden ini menunjukkan majoriti responden adalah dari kaum Melayu berbanding dengan bangsa-bangsa yang lain.

Di samping itu, aktiviti sukan dan permainan yang diceburi para responden dari peringkat sekolah hingga peringkat kebangsaan adalah sukan bolasepak seramai 29 orang (24.16%), bola jaring 23 orang (19.16%), bola baling 22 orang (18.33%), olahraga 26 orang (21.66%) dan lain-lain permainan seperti hoki, bola tampar, bola keranjang dan ragbi adalah 20 orang (18.66%).

Setelah mendapatkan data demografi tentang penglibatan responden dalam sukan dan permainan, data jawatan responden dalam sukan dan permainan yang diceburi juga diperolehi. Responden yang pernah memegang jawatan sebagai jurulatih adalah seramai 66 orang (55.0%), pengurus pasukan 51 orang (42.5%), dan lain-lain jawatan ialah 3 orang (2.5%).

Sebelum ke fasa mengenal pasti perbezaan tahap persepsi responden berkaitan aspek-aspek keselamatan dengan ciri-ciri demografi melalui ujian-t, analisis tahap persepsi responden terhadap aspek-aspek keselamatan yang spesifik iaitu Persekitaran Yang Selamat, Bimbingan Dan Tunjuk Ajar, Pengawasan Yang Rapi dan Pengetahuan Umum perlu dilakukan terlebih dahulu.

Jadual 3: Analisis Deskriptif Persepsi Guru Sukan Terhadap Keselamatan dalam Program Sukan Mengikut Aspek-aspek Keselamatan yang Spesifik

Aspek	Min	SD
Pengawasan Yang Rapi	31.29	2.15
Bimbingan Dan Tunjuk Ajar	22.94	1.63
Pengetahuan Umum	22.30	1.88
Persekitaran Yang Selamat	20.66	1.29

Jadual 3 menggambarkan taburan skor persepsi responden terhadap aspek-aspek keselamatan dalam sukan secara spesifik. Dapatan di atas menunjukkan aspek Pengawasan Yang Rapi (min = 31.29, SD = 2.15), paling ditekankan oleh responden sebelum diikuti aspek-aspek keselamatan yang lain seperti Bimbingan Dan Tunjuk Ajar (min = 22.94, SD = 1.63), Pengetahuan Umum (min = 22.31), SD = 1.88), dan akhir sekali adalah Persekitaran Yang Selamat (min = 20.66, SD = 1.29).

Seterusnya ujian-t telah digunakan untuk menganalisis dapatan kajian sama ada terdapat perbezaan tahap persepsi yang signifikan antara responden berkaitan aspek-aspek keselamatan dengan ciri-ciri demografi. Ciri-ciri demografi yang ditumpukan adalah jantina, pengkhususan, dan pengalaman. Penilaian tahap persepsi guru sukan terhadap aspek keselamatan dalam program sukan mengikut jantina telah ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Ujian-t Tahap Persepsi Guru Sukan dalam Program Sukan Mengikut Jantina

Jantina	n	Min	SD	t	p
Lelaki	78	97.87	5.01	2.43	.017
Perempuan	42	95.95	3.54		

Jadual 4 menunjukkan taburan skor persepsi responden lelaki dan perempuan terhadap aspek keselamatan dalam program sukan. Dapatan menunjukkan terdapat perbezaan signifikan min skor persepsi guru sukan terhadap aspek keselamatan dalam program sukan di antara responden lelaki dan perempuan, $t(109.35) = 2.43$, $p < 0.05$.

Seterusnya penilaian tahap persepsi guru sukan terhadap aspek keselamatan dalam program sukan mengikut pengalaman telah ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5: Ujian-t Tahap Persepsi Guru Sukan dalam Program Sukan Mengikut Pengalaman

Pengalaman Mengajar	n	Min	SD	t	p
Tidak Berpengalaman	10	94.60	4.59	-1.87	.06
Berpengalaman	110	97.43	4.56		

Jadual 5 menunjukkan taburan skor persepsi responden terhadap aspek pengalaman dalam program sukan. Dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan min skor persepsi guru sukan terhadap aspek pengalaman dalam program sukan di antara responden tidak berpengalaman dengan golongan berpengalaman, $t(118) = -1.87$, $p > 0.05$.

Akhir sekali, penilaian tahap persepsi guru sukan terhadap aspek keselamatan dalam program sukan mengikut pengkhususan telah ditunjukkan dalam Jadual 6.

Jadual 6: Ujian-t Tahap Persepsi Guru Sukan dalam Program Sukan Mengikut Pengkhususan

Pengkhususan	n	Min	SD	t	p
PJ	60	97.63	4.73	1.03	.31
Bukan PJ	60	96.76	4.53		

Jadual 6 menunjukkan taburan skor persepsi guru sukan terhadap aspek keselamatan dalam program sukan mengikut pengkhususan (sama ada opsyen PJ atau Bukan PJ). Dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan min skor persepsi guru sukan terhadap aspek keselamatan dalam program sukan di antara pengkhususan PJ dan Bukan-PJ, $t(118) = 1.025$, $p > 0.05$.

Perbincangan

Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap persepsi guru sukan terhadap aspek keselamatan dalam program sukan dan menghubungkan dapatannya terhadap aspek jantung, pengkhususan, dan pengalaman mengajar. Perlu disedari bahawa aktiviti PJ melibatkan pergerakan fizikal. Maka dengan itu, tentulah risiko kecederaan adalah tinggi. Pernyataan ini disokong dengan kajian yang dibuat oleh Laflamme & Menckel (1997) yang mendapati sekolah adalah lokasi fizikal yang mempunyai kadar kecederaan akibat aktiviti fizikal yang tertinggi di kalangan kanak-kanak sekolah yang berumur 10 hingga 15 tahun di sekolah-sekolah Vastmanland, Sweden. Oleh kerana itu penekanan terhadap aspek keselamatan dalam program sukan haruslah diberikan perhatian. Yusoff Ismail (1988) menganggarkan lebih kurang 50% kecederaan dapat dielakkan sekiranya langkah keselamatan dapat diambil dalam aktiviti sukan. Lantaran itu, adalah menjadi tanggungjawab pihak pentadbir sekolah, penyelaras sukan, dan guru sukan menjalankan pengawasan merendahkan risiko kemalangan secara penguatkuasaan peraturan dan langkah-langkah keselamatan di kalangan warga sekolah pada setiap masa. Kenyataan ini juga dibuktikan melalui dapatan penyelidik melalui soalan-soalan aspek pengawasan yang rapi yang mencatatkan kedudukan skor min paling tinggi iaitu 31.29, berbanding dengan kategori Bimbingan Dan Tunjuk Ajar yang mencatat skor min 22.94, Pengetahuan Umum yang mempunyai skor min 22.31 serta Persekitaran Selamat yang mencatat skor min sebanyak 20.66. Ini mungkin disebabkan oleh pengawasan guru dan

persediaan sebelum memulakan aktiviti amat ditekankan supaya pelajar dapat menyertai program sukan tanpa ditimpa kecederaan. Keupayaan guru menjalankan pengawasan yang rapi untuk menghindari sebarang kecederaan amat bergantung kepada keupayaan “*foreseeability*” guru tersebut. Mengikut Gifis (2003) dan Sawyer (2003), “*foreseeability*” merupakan keupayaan seseorang individu menjangka dan membuat peninjauan awal sesuatu kemalangan yang mungkin berlaku. Keupayaan ini ditunjukkan melalui penekanan dan pendekatan yang lebih matang dalam pengawasan sesuatu situasi sebelum sesuatu kemalangan berlaku.

Salah satu aspek yang mempengaruhi persepsi seseorang adalah pengalaman. Pendapat ini disokong oleh Forsythe dan Keller (1997), yang membuktikan penekanan aspek keselamatan sebahagiannya bergantung kepada latar belakang dan pengalaman jurulatih dan guru sukan. Selaras dengan itu guru sukan yang berpengalaman akan menggunakan pendekatan latihan, jangkaan logik yang dapat mengelakkan risiko kecederaan. Untuk pengetahuan yang lebih jelas, kajian ini mengklasifikasikan guru yang “berpengalaman” sebagai guru yang telah berkhidmat lebih daripada 5 tahun, manakala guru yang “tidak berpengalaman” pula adalah guru yang berkhidmat kurang daripada 5 tahun. Apabila faktor pengalaman dikaitkan dengan kemalangan dalam program sukan, hasil dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam aspek pengalaman dengan persepsi keselamatan dalam program sukan, $t(118) = -1.873, p > 0.05$.

Di samping faktor pengalaman, faktor kepakaran dalam sesuatu bidang juga penting dalam menentukan keberkesanan dalam menjalankan sesuatu tugas. Dalam perkara ini, kepakaran dalam bidang sukan terhadap aspek keselamatan adalah penting dalam membantu mengurangkan kemalangan. Menurut Blucker dan Pell (1986), mereka menyatakan bahawa kerjaya jurulatih dan guru sukan memerlukan kepakaran profesional dalam menjaga serta mengawasi peralatan dan kemudahan supaya dalam keadaan selamat pada setiap masa. Kajian McCaskey dan Biedzynski (1996) turut mendapati guru sukan dan jurulatih seharusnya berupaya memantau, memberi arahan latihan yang jelas, memastikan peralatan yang digunakan selamat, mencadangkan personal sukan yang cekap dan bertanggungjawab, memberi amaran tentang bahaya yang bakal tiba, membekalkan rawatan atau bantuan kecemasan, mencegah ahli-ahli sukan dari kecederaan, dan membenarkan penyertaan pelajar dalam tahap pertandingan yang sesuai dengan kemampuan pelajar. Lantaran itu, kepakaran dalam bidang sukan memerlukan kecekapan dalam meningkatkan tahap keselamatan dalam aktiviti sukan. Kenyataan

ini disokong oleh penyelidik terhadap aspek keselamatan dalam program sukan di antara responden pengkhususan PJ dan Bukan-PJ, $t(118) = 1.03$, $p > 0.05$. Walaupun tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap aspek pengalaman guru PJ, kajian yang dibuat oleh Sawyer (2003) mendapati bahawa semua guru sukan dan jurulatih perlu menguasai pengetahuan dan kemahiran pertolongan cemas sepanjang masa serta bersedia menjalankan sistem kecemasan dalam semua permainan. Ini bermaksud kepakaran tersebut adalah sesuatu yang tidak boleh berkompromi bagi guru-guru PJ, mahupun guru-guru bukan daripada pengkhususan PJ.

Seterusnya, perbandingan antara lelaki dan perempuan dalam menentukan persepsi guru sukan terhadap aspek keselamatan juga mempunyai pengaruh yang penting. Hasil kajian yang dilakukan oleh penyelidik menunjukkan terdapat perbezaan signifikan min skor persepsi guru sukan terhadap aspek keselamatan dalam program sukan di antara lelaki dan perempuan PJ dan Bukan PJ, $t(109.35) = 2.43$, $p < 0.05$. Dapatan kajian oleh penyelidik adalah berbeza dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Ang Kean Koo (1998) dalam skop penyelidikan yang sama dengan penyelidik, di mana hasil kajian Ang Kean Koo (1998) menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan persepsi guru sukan terhadap aspek keselamatan antara guru sukan yang berlainan jantina, $t(43) = 1.94$, $p > 0.05$. Perbezaan hasil dapatan Ang Kean Koo (1998) dengan penyelidik mungkin disebabkan personaliti subjek yang berlainan di antara responden yang digunakan oleh penyelidik dan Ang Kean Koo (1998). Kelainan personaliti adalah dipengaruhi pelbagai faktor seperti faktor ciri-ciri peribadi (Weinberg & Gould, 1999), faktor pengaruh sosial (Bandura, 1977), dan faktor interaksi antara peribadi dan situasi (Anshell, 1997; Bowers, 1973). Aspek personaliti inilah yang mungkin menghasilkan perbezaan dapatan kajian walaupun skop kajian yang sama telah dibuat oleh Ang Kean Koo (1998), walaupun disertakan dengan data demografi kumpulan responden yang seakan-akan sama. Selain aspek personaliti, ia mungkin juga disebabkan tanggapan masyarakat bahawa guru sukan lelaki lebih teliti dari segi keselamatan pelajar-pelajar berbanding dengan guru sukan perempuan. Fenomena ini adalah berdasarkan pandangan masyarakat bahawa guru sukan lelaki biasanya lebih mahir, berpengalaman dan secara langsungnya lebih mementingkan keselamatan dalam program sukan. Menurut Horner (1968), kaum lelaki dan wanita memberikan respon yang berbeza terhadap situasi yang berbentuk kompetitif. Beliau mendapati kaum wanita kurang yakin jika melakukan kemahiran motor yang dianggap tidak sesuai dengan sifat

kewanitaannya. Pandangan ini disokong oleh Clifton dan Gill (1994) dalam kajian mereka yang mendapati kaum lelaki dan wanita berkebolehan menjalankan tugas atau peranan yang bersesuaian dengan jantina masing-masing. Namun demikian, terdapat pandangan yang berbeza dari pengkaji yang lain. Menurut Lenney (1997), maklumat yang jelas dan tepat dapat membantu wanita dalam melaksanakan tugas dengan berkesan. Ini bermaksud kesempurnaan maklumat yang diperolehi oleh wanita menjalankan tugas seperti menjaga keselamatan pelajar-pelajar dalam program sukan akan meletakkan mereka mempunyai persepsi kepentingan keselamatan dalam sukan setanding dengan guru sukan lelaki. Dalam erti kata yang lain, faktor jantina bukanlah penyebab mutlak yang membezakan tahap persepsi guru sukan terhadap keselamatan dalam program sukan.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan persepsi guru sukan terhadap aspek keselamatan dalam program sukan adalah tinggi dan tidak ada perbezaan yang signifikan dalam aspek pengalaman dan pengkhususan. Manakala terdapat perbezaan yang signifikan di antara responden lelaki dan perempuan terhadap persepsi mereka mengenai keselamatan dalam program sukan. Sehubungan dengan itu, pengkaji mencadangkan beberapa perkara yang boleh dipertimbangkan untuk dikemaskini dalam meningkatkan mutu kajian selanjutnya. Di antaranya item-item kenyataan tahap persepsi keselamatan dalam setiap aspek perlu ditambah supaya keputusan kajian yang diperolehi lebih tepat dan menyeluruh. Seterusnya sebahagian besar soalan-soalan soal selidik yang digunakan merupakan terjemahan daripada artikel dari negara-negara barat yang mungkin tidak sesuai dengan iklim tempatan. Maka dengan ini penyelidik mencadangkan lebih banyak item kenyataan yang bercirikan budaya dan suasana tempatan dicipta untuk menunjukkan gambaran sebenar persepsi guru sukan di Malaysia. Selain itu, untuk melihat tahap persepsi guru sukan terhadap aspek keselamatan dalam program sukan di Malaysia mengikut sekolah yang berbeza seperti di sekolah sukan, sekolah agama, sekolah luar bandar atau sekolah bandar, dicadangkan kajian lanjutan dilakukan ke atas sekolah-sekolah tersebut untuk mengesahkan kebolehpercayaan dan keesahan kajian.

Akhir sekali, adalah diharapkan dapatan kajian di atas dapat membantu pihak-pihak autoriti yang ingin menilai tahap persepsi guru

sukan terhadap aspek keselamatan dalam program sukan untuk dijadikan panduan ke arah mempertingkatkan penekanan keselamatan dalam sukan di kalangan guru sukan. Peningkatan tahap persepsi guru sukan tentang keselamatan dalam program sukan pasti dapat mengurangkan risiko kecederaan para pelajar pada masa akan datang.

Bibliografi

- Ang Kean Koo (1998). Persepsi guru sukan dan jurulatih terhadap keselamatan dalam program sukan. Tesis master sains yang tidak diterbitkan, Universiti Putra Malaysia.
- Anshel, M.H. (1997). *Sport psychology: From theory to practice. (3rd. Ed.)*. Scottsdale, AZ: Gorsuch Scarisbrick Publishers.
- Bandura, A. (1977). Self-efficacy: Towards a unifying theory of behavioral change. *Psychological Review*, 84, 191-215.
- Berlin, J.A., & Colditz, G.A., (1990). A meta-analysis of physical activity in the prevention of coronary heart disease. *American Journal of Epidemiology*, 132, 612-628.
- Blucker, J.A., & Pell, S.W. (1986). Legal and ethical issues essential for professional preparation curricular. *Journal of Physical Education, Recreation and Dance*, 57, 19-22.
- Bowers, K.S. (1973). Situationalism in psychology: An analysis and a critique. *Psychological Review*, 80, 307-336.
- Clifton, R.T., & Gill, D.L. (1994). Gender differences in self-confidence on a feminine-typed task. *Journal of Sport & Exercise Psychology*, 16, 150-162.
- Connolly, T.G., & Sluckin, W. (1971). *An introduction to statistics for social science*. Bungay Suffolk, London: Macmillan Press.
- Forsythe, C.E., & Keller, A.I. (1997). *Administration of high school athletics*. New Jersey: Prentice-Hall.

- Gifis, S.H. (Ed.). (2003). *Law dictionary (5th ed.)*. New York: Baron.
- Helmrich, S.P., Ragland, D.R., Leung, R.W., & Paffenbarger (1991). Physical activity and reduced occurrence of non-insulin-dependent diabetes mellitus. *New England Journal of Medicine* 325, 147-152.
- Horner, M.S. (1968). Sex differences in achievement motivation and performance in competitive and noncompetitive situations. Unpublished doctoral dissertation, University of Michigan, Ann Arbor.
- Jago, R., & Baranowski, T. (2004). Non-curricular approaches for increasing physical activity in youth: A review. *Preventive Medicine*.
- John, G. (2004, August 12). N.Y. district loses appeal of lawsuit over dodge ball. *Education Week*, 24, 4.
- Karn, J.E. (1986). Negligence in secondary school sports injuries in North Dakota: Who bears legal liability? *North Dakota Review*, 62, 463.
- Krenichyn, K. (2004). Women and physical activity in an urban park: Enrichment and support through an ethic of care. *Journal of Environmental Psychology*, 24, 117-130.
- Laflamme, L., & Menckel, E. (1997). School injuries in an occupational health perspective: What do we learn from community-based epidemiological studies? *Injury Prevention* 3, 50-56.
- Laflamme, L., & Petersson, E.E. (1998). School-injury patterns: A tool for safety planning at the school and community levels. *Accident Analysis. and Prevention*, 30, 227-283.
- Lenney, E. (1997). Women's self-confidence in achievement situations. *Psychological Bulletin*, 84, 1-13.
- McCaskey, A.S., & Biedzynsky, W. (1996). A guide to the legal liability of coaches for a sports participant's injuries. *Journal of Sports Law*, 6, 13-16.

Persepsi Guru Sukan Terhadap Aspek Keselamatan

- Pittman, A.T. (2004). Law review: Vicarious liability against university and coach. *Journal of Physical Education, Recreation & Dance*, 75, 9.
- Powell, K.E., Thompson, P.D., Caspersen, C.J., & Kendrick, J.S. (1987). Physical activity and the incidence of coronary heart disease. *Annual Review Public Health*, 8, 253-287.
- Rahil Mahyuddin & Habibah Elias (2003). *Psikologi pendidikan untuk perguruan*. Shah Alam: Karisma Publications.
- Shaharudin Abd. Aziz (2001). *Mengaplikasi teori psikologi dalam sukan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Sawyer, T.H. (2003). Law review: Torts, negligence, duty, and sports injuries. *Journal of Physical Education, Recreation & Dance*, 74, 19.
- Sawyer, T.H. (Ed.). (2004). Law review: Recreational immunity and sport injuries. *Journal of Physical Education, Recreation & Dance*, 75, 10.
- Shamsudin A. Rahim, & Latiffah Pawanteh (2002). *Kajian penilaian: Kempen cara hidup sihat*. Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Vouri, I., Lankenau, B., & Pratt, M. (2004). Physical activity policy and program development: the experience in Finland. *Public Health Reports*, 119, 331-345.
- Wannamethee, S.G., & Shaper, A.G. (1999). Physical activity and the prevention of stroke. *Journal of Cardiovascular Risk*, 6, 213-216.
- Wannamethee, S.G., & Shaper, A.G. (2001). Physical activity and the prevention of cardiovascular disease: An epidemiological perspective. *Sports Medicine*, 31, 101-114.

Asian Journal of University Education

Weinberg, R.S., & Gould, D. (1999). *Foundations of sport and exercise psychology*. Champaign, IL: Human Kinetics.

Yusoff Ismail (1988). *Kegiatan kokurikulum sukan: Satu pendekatan mengurus*. Ipoh: Pustaka Muda.